

Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak Menurut Abdullah Nasih Ulwan

BITARAVolume 3, Issue 1, 2020: 130-144
© The Author(s) 2020
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Solution Methods Spiritual Problems in Children's Education According To Abdullah Nasih Ulwan]

Syamila Syamim Mohamad Yatim¹ & Che Zarrina Sa'ari¹

Abstrak

Krisis kejiwaan dan ketandusan rohani yang tidak diberi tumpuan menyebabkan anak-anak terlibat dengan pelbagai gejala yang tidak sihat. Bermulanya kelompangan elemen kerohanian dalam jiwa punca kepada segala kemelut isu sosial dalam masyarakat. Ketidakseimbangan di antara pendidikan jasmani (material) dan rohani dalam membangunkan sumber modal insan menyebabkan berlakunya ketempangan pembangunan insan yang holistik serta tahap masalah sosial yang semakin meruncing. Maka, keperluan rohani perlu dipenuhi kerana ia merupakan benteng kepada sifat-sifat mazmumah yang boleh merosakkan keimanan seseorang. Objektif kajian ini adalah untuk mengemukakan kaedah penyelesaian bagi mengendalikan masalah rohani dalam pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif deskriptif iaitu kajian analisis kandungan terhadap karya Abdullah Nasih Ulwan iaitu kitab *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* dan *Rūhāniyyah al-Dā'iyyah*. Justeru dengan kaedah tersebut dapat melahirkan anak-anak yang mempunyai rohani yang baik dan berakhlaq mulia.

Kata Kunci

Abdullah Nasih Ulwan, rohani, pendidikan anak

Abstract

Spirituality crisis caused children involved in various social problems. The lack of spiritual elements in children's education will cause social problem in society. The imbalance between physical and spiritual education in the development of human capital sources will caused a global imbalance of holistic human development and it will increase social problems. Therefore, spiritual needs are required to refrain from evil. The objective of this study is to propose a solution methods spiritual problems in children's education according to Abdullah Nasih Ulwan. This study is a descriptive qualitative study which is a content analysis study on Abdullah Nasih Ulwan works such as *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* and *Rūhāniyyah al-Dā'iyyah*. Thus, this method can produce children of good spiritual and good attitude.

Keywords:

Abdullah Nasih Ulwan, spiritual, children's education

Cite This Article:

Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari. 2020. Kaedah penyelesaian masalah kerohanian dalam pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1): 130-144.

¹ Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Corresponding Author:

CHE ZARRINA SA'ARI, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jalan Universiti, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA. E-mail: zarrina@um.edu.my

Pengenalan

Banyak kajian yang dijalankan bagi menangani masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda. Mohd Nuri Mustafa et. al (2017) sebagai contoh telah membuktikan bahawa terdapat peningkatan belia remaja terlibat dengan gejala delinkuen. Tunggak et al., (2015) turut menyatakan hal yang sama, pelbagai jenis delinkuen sosial yang melibatkan anak muda. Namun, di sebalik pelbagai spesifikasi gejala sosial telah dinyatakan dan langkah kerajaan dalam menangani masalah ini, masalah keruntuhan akhlak semakin berleluasa. Justeru itu, masalah tersebut masih tidak berkesudahan dan kadar jenayah yang membabitkan golongan remaja semakin meningkat saban tahun.

Dapatan kajian Husin Junoh (2011) mendapati masalah akhlak remaja yang berlaku hari ini adalah disebabkan kelalaian ibu bapa dalam mendidik anak terutama pada peringkat kanak-kanak dan kurang asas pengetahuan agama. Di samping itu, Sidek Baba (2003) menegaskan bahawa kelemahan sistem pendidikan di Malaysia adalah kerana ia lebih menjurus kepada pembangunan luaran semata-mata kurang menitikberatkan aspek pembinaan kerohanian. Hal ini juga diperkuatkan lagi oleh Makmur Harun (2015) yang menyatakan bahawa sistem pendidikan pada hari ini kebanyakannya diimport dari barat dan dimasukkan unsur-unsur Islam di dalamnya namun masih terdapat ketandusan aspek-aspek kerohanian.

Kajian Shamsiah Banu Hanefar, Saedah Siraj, Che Zarrina Sa'ari (2015) turut menyatakan hal yang sama yang mana aspek rohani kurang dititikberatkan dalam kalangan muda mudi. Misi Pendidikan Malaysia ke arah mencapai wawasan bagaimanapun kelihatan samar-samar kerana terdapat jurang yang besar di salah satu elemen penting dalam pendidikan holistik, iaitu elemen rohani. Majoriti sekolah dan institusi pendidikan di Malaysia lebih menekankan pada elemen intelektual dan sebahagian lagi elemen emosi. Unsur rohani dipisahkan dan dikurangkan hanya kepada kajian keagamaan dan moral. Ketidakseimbangan di antara pendidikan jasmani (material) dan rohani dalam membangunkan sumber modal insan menyebabkan berlakunya ketimpangan pembangunan insan yang holistik serta tahap masalah sosial yang semakin meruncing.

Norfadilah Abdul Rahman (2010) menjelaskan isu penyimpangan nilai dalam kalangan masyarakat kini turut disebabkan peribadi insan yang memiliki masalah dalaman jiwa seperti sifat materialistik, sompong dan bangga diri, bosan, marah, takut dan sebagainya. Akibat jiwa yang tipis dengan rasa keimanan kepada Allah SWT, maka manusia tidak dapat membezakan di antara kebenaran dan kebatilan, sekali gus mendorong dirinya melakukan perkara kemaksiatan hingga terhakisnya sifat perikemanusiaan. Salasiah Hanin Hamjah (2016) turut menyokong masalah manusia juga berpunca daripada masalah dalaman (rohani). Sehubungan itu, dengan memberikan tumpuan dalam aspek kerohanian merupakan langkah efektif bagi mengatasi segala masalah manusia yang bersifat kerohanian.

Oleh itu, menurut Noor Hisyam Md Nawi (2011) menegaskan pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan anak melalui pelbagai kaedah dan pendekatan dengan tidak mengabaikan peranan jiwa dan kerohanian bagi melengkapkan pertumbuhan potensi insan yang bersifat sepadu, seimbang dan menyeluruh adalah sangat perlu dititikberatkan. Berdasarkan keperluan tersebut, perlunya lebih banyak kajian sosial yang berkaitan masalah kerohanian. Maka tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengemukakan kaedah penyelesaian

masalah rohani dalam pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. Dengan melakukan kajian ini, ia diharap dapat memberi pemahaman yang lebih menyeluruh dan seterusnya memberikan input kepada ibu bapa dan pendidik bagi menangani permasalahan rohani anak.

Biodata Ringkas Abdullah Nasih Ulwan

Biodata Abdullah Nasih Ulwan dibincangkan secara ringkas kerana beliau merupakan sarjana Muslim kontemporari dan terdapat banyak kajian yang telah mengemukakan biodata beliau. Justeru itu, kajian ini hanya mengemukakan biodata ringkas Abdullah Nasih Ulwan. Abdullah Nasih Ulwan dilahirkan pada tahun 1928 di daerah Qadhi Askar yang terletak di Bandar Halb, Syria. Beliau dibesarkan di dalam keluarga yang berpegang teguh pada agama dan mementingkan akhlak Islam dalam pergaulan dan muamalat sesama manusia. Ayahnya, Syeikh Said Ulwan adalah seorang yang dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai seorang ulama dan pengamal perubatan Islam yang disegani. Beliau mampu mengubati penyakit dengan terapi Islam dan ramuan ubatan dari akar kayu (Abdullah Nasih Ulwan, 2007). Ketika berumur 15 tahun, beliau telah menghafal al-Quran dan menguasai ilmu bahasa Arab dengan baik. Abdullah Nasih Ulwan sangat cemerlang dalam pelajaran dan sentiasa menjadi tumpuan rujukan rakan-rakannya di madrasah. Beliau adalah orang yang pertama memperkenalkan pelajaran *Tarbiyah Islamiyah* sebagai pelajaran asas di sekolah (Edi Iskandar, 2017).

Abdullah Nashih Ulwan adalah tokoh ilmuwan Muslim yang sangat disegani oleh masyarakat. Beliau adalah seorang yang sangat berani menyatakan kebenaran sekalipun kepada pihak berkuasa, seperti mana beliau telah lakukan terhadap pihak berkuasa Syiria. Beliau merupakan seorang tokoh yang berani dalam menyebarkan dakwah Islam dengan meletakkan dasar-dasar Islam dalam pendidikan. Di samping itu, beliau juga aktif dalam menghasilkan karya tulisan. Di antara karya-karyanya adalah *Tarbiyat al-Awlâd fi al-Islam* (Pendidikan Anak dalam Islam 2 jilid), *Al-Takafu al- Ijtima'i fi al-Islam* (Jaminan Sosial dalam Islam), *Shalahuddin Al-Ayyubi, Ahkam al-Zakati* (Hukum-hukum Zakat), *Ahkamu al-Ta'min* (Hukum-hukum Asurans), *Hatta Ya'lama al- Syabab* (Agar Para Pemuda Mengetahui), *Ila Warasat al-anbiya'* (Pewaris para Nabi), *Syubuhat wa Rudud* (Keraguan dan Penolakan), *Tarbiyah al-Jinsiyah/Mas'uliyyat al-Murabbiyyin* (Pendidikan Seks untuk Anak gaya Nabi SAW.), *Adab al-Khithbah wa al-Zifaf wa Huququ al-Zaujan* (Adab memilih isteri dalam Islam), *Madrasah Du'at, Thaqafah Da'iyah, Ruhiyah Da'iyah*.

Abdullah Nashih Ulwan meninggal dunia pada hari Sabtu jam 9.00 pagi waktu Saudi Arab, tepat pada 29 Ogos 1987 M/ 5 Muharam 1408 H. Beliau menghembuskan nafas terakhir di Hospital Universiti Malik Abdul Aziz Jeddah pada usia 59 tahun. Sebagai bentuk penghormatan jenazahnya dibawa ke masjidil Haram untuk disembahyangkan oleh umat Islam dan dihadiri oleh para ulama'.

Kerohanian Menurut Nasih Ulwan

Nasih Ulwan tidak mendefinisikan secara langsung pengertian rohani namun elemen spiritual atau rohani serta kefahaman tentang kerohanian itu dapat dilihat dalam karya-karyanya. dalam kitab *Ruhiyah al-Da'iyah* (1986) beliau ada menulis seperti berikut:

الهوى هو الذين يحول بين الحق والفطرة

Maksudnya: Hawa nafsu merupakan penghalang di antara hak dan fitrah

Nasih Ulwan menyatakan bahawa *al-Nafs* atau nafsu merupakan suatu unsur dalaman dan kemampuannya boleh menjadikan seseorang baik dan taat kepada syariat Allah s.w.t. atau buruk dan ingkar kepada syariat Allah s.w.t. berdasarkan *al-nafs al-ammarah*, *al-nafs al-lawwamah* dan *al-nafs al-mutmainnah*. Seorang manusia itu perlu berusaha melawan nafsunya serta membuat pilihan yang bijak agar mengarahkan jiwa itu kepada kebenaran, mengikuti petunjuk yang ditunjukkan dan mengikuti syariat dan manhaj yang diturunkan oleh Allah agar menjadi orang yang bertaqwa (Ulwan, 2002).

Nasih Ulwan juga mengemukakan bahawa rohani yang baik adalah hati yang sentiasa berhubung dengan Allah dengan memiliki sifat takwa. Beliau menyarankan agar anak-anak perlu diberi bimbingan dan dididik jiwnya agar mereka terhindar daripada kejahanan dan tidak merasa aman dengan suasana yang rosak. Saranan tersebut adalah menggalakkan ibu bapa untuk memberi perhatian terhadap pendidikan jiwa dan rohani anak iaitu dengan mendidik anak supaya memiliki sifat taqwa dan hati sentiasa berhubung dengan Allah agar mereka membesar dengan akhlak yang baik dan terhindar daripada maksiat (Ulwan, 2011 a). Dengan itu, Nasih Ulwan mendatangkan dalil dengan merujuk ayat al-Quran berikut:

(وَنَّفِسٌ وَمَا سَوَّنَاهَا) ﴿فَإِلَهُمْهَا فُجُورُهَا وَتَقْوَنَاهَا﴾ (فَدَّ أَفْلَحَ مَنْ رَكِّبَهَا) (وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا)

Terjemahan: Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya. Serta mengilhamkannya jalan yang membawanya kepada kejahanan dan yang membawanya kepada takwa. Sesungguhnya berjayalah bagi orang yang menjadikan dirinya sentiasa bersih dan bertambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan). Dan sesungguhnya dukacitalah bagi orang yang menjadikan dirinya tenggelam dalam kemaksiatan (al-Shams 91: 7-10).

Nasih Ulwan juga mengemukakan pernyataan berikut bagi menggambarkan rohani yang bersih memiliki ketakwaan kepada Allah:

حين تشريق نفس الداعية بالروحانية، وتتصل بالله، وتتدفق بالتفوى، فيكشف له من المعانى، ويفتح له من الأسرار ما يدركها إلا المهويون الأقبياء

Maksudnya: Ketika jiwa seorang da'i memancarkan rohani, dia berhubung erat dengan Allah, memiliki ketakwaan maka tersingkaplah baginya pelbagai hakikat dan makna dan terbukalah rahsia yang tidak diketahui melainkan orang yang bijak dan bertakwa (Ulwan, 2011 b).

Berdasarkan pernyataan Nasih Ulwan tersebut rohani merupakan kekuatan dalaman yang dipancarkan oleh Allah SWT yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera manusia dan tidak terikat dengan kuantiti atau ukuran material. Sehubungan itu, rohani atau unsur dalaman yang dekat dengan Allah dan takwa menjadikan seseorang itu melipat gandakan amal, ucapan dan perbuatannya dijaga agar mendapat keredaan Allah.

Dalam kitab yang lain iaitu kitab *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islam* (2011) mencatatkan:

أَن يربوا فِيهِمْ رُوحُ الْمَقْرَبَةِ اللَّهُ فِي كُلِّ تَصْرِفَتِهِمْ وَأَحْوَالِهِمْ، وَذَلِكَ بِتَرْوِيْضِ الْوَلَدِ عَلَى أَنَّ اللَّهَ يَرْقَبُهُ وَيَرَاهُ،
وَيَعْلَمُ سُرَّهُ وَنَجْوَاهُ، وَيَعْلَمُ خَانَةَ الْأَعْيْنِ وَمَا تَخْفِي الصُّدُورُ

Maksudnya: Hendaklah mendidik jiwa anak-anak agar mengingati Allah dalam segala gerak-geri dan hal ehwal mereka. Allah sentiasa memerhati dan melihat mereka dan Allah juga mengetahui segala rahsia dan bisikan mereka dan apa yang tersimpan di dalam dada (hati).

أَنَّ الْإِسْلَامَ كَرَمُ الْإِنْسَانَ، وَفَضْلُهُ عَلَى كَثِيرٍ مَا خَلَقَ اللَّهُ، لِيُضْطَلِّعَ بِمَسْؤُلِيَّتِهِ، وَيُؤْدِي الْمَهْمَةَ الْمَوْكَلَ بِهَا، أَنَّ
الْإِسْلَامَ يَعْتَبِرُ الْإِنْسَانَ مَسْؤُلًا عَنْ عَقْلِهِ وَمَسْؤُلًا عَنْ حُوَاسِهِ..

Maksudnya: Islam memuliakan manusia dari makhluk Allah yang lain agar dia mengetahui tanggungjawabnya dan melaksanakan tugas yang diberikan kepadanya. Dengan itu, manusia bertanggungjawab atas akalnya dan bertanggungjawab juga atas pancaingerannya.

أَنَّ التَّرْبِيَّةَ الْإِيمَانِيَّةَ هِيَ الَّتِي تَعْدِلُ الْمَزَاجَ الْمَنْحَرَفَ، وَتَقْوِيمُ الْعَوْجَ الْفَاسِدَ، اتِّصَالُ النَّفْسِ الْإِنْسَانِيَّةِ وَبِدُونَهَا لَا
يُمْكِنُ أَنْ يَتَحْقِقَ إِصْلَاحٌ، وَلَا أَنْ يَتَمَّ اسْتِقْرَارٌ، وَلَا يَتَقْوِيمُ خَلْقٍ..

Maksudnya: Pendidikan keimanan itu dapat meluruskan akhlak yang tidak baik serta memperbaiki mana yang salah. Hanya dengan keimanan dapat membetulkan jiwa manusia, tanpa keimanan segala kebaikan tidak akan tercapai, tidak mendapat ketenangan dan tidak dapat membentuk peribadi yang baik.

Berdasarkan pernyataan Nasih Ulwan, akal juga sebagai sebahagian daripada unsur kerohanian kerana bagi beliau akal digunakan untuk berfikir dan merenung tentang kebesaran dan kekuasaan Allah. Pemberian akal kepada manusia yang membezakan manusia dengan makhluk Allah yang lain, disebabkan hal itu Allah mentaklifkan manusia untuk mentadbir dan mengurus alam dengan acuan dan saranan Allah agar sesuai dengan tujuan dan matlamat penciptaan manusia. Menerusi akal juga manusia dapat membezakan sesuatu yang baik atau buruk. Selain itu, akal juga dapat mengetahui akibat sesuatu perkara berdasarkan pertimbangan akal serta dapat mencegah manusia daripada menuruti hawa nafsu dan bijak dalam membuat sesuatu keputusan (Ulwan, 2011 b).

Berdasarkan perbincangan kerohanian menurut Nasih Ulwan seperti di atas, dapat dirumuskan bahawa kerohanian itu merangkumi roh (*al-Ruh*), nafsu (*al-Nafs*), akal (*al-'Aql*) dan jiwa (hati) yang perlu dididik dan diasuh serta dipupuk dengan baik dalam diri anak-anak kerana potensi tersebut saling berkait bagi membentuk manusia yang baik. Sehubungan itu, keempat-empat unsur tersebut yang tidak disebut secara jelas dari segi terminologinya namun ia mempunyai maksud kerohanian.

Kaedah Penyelesaian Masalah Kerohanian dalam Pendidikan Anak

Nasih Ulwan menjelaskan bahawa tarbiah rohani tujuannya adalah untuk membentuk keperibadian anak. Apabila seseorang anak itu telah mencapai usia taklif dan boleh menjalankan tugas dan kewajipan sebagai seorang *mukalaf* (baligh dan berakal) dengan sebaik-baiknya iaitu menjalankan kewajipan dengan penuh erti dan makna. Beliau juga menyarankan ibu bapa mendidik rohani anak sejak anak mula berakal untuk memiliki sifat berani, berkata benar, tidak pengecut, dapat menahan diri daripada marah, berbuat baik dengan orang lain dan melengkapkan diri dengan sifat-sifat mulia (Ulwan, 2011 b).

Nasih Ulwan menyatakan kesan daripada tarbiah rohani anak kecil adalah dapat menumbuhkan kekuatan dalaman dalam diri anak serta mampu untuk muhasabah diri bagi membangkitkan motivasi dalam diri. Selain itu, tarbiah rohani juga menjadikan anak itu cakna terhadap tanggungjawabnya (Ulwan, 1986). Berdasarkan pernyataan Nasih Ulwan tersebut, didapati bahawa bimbingan rohani dapat dijadikan sebagai penasihat yang akan mengingatkan diri anak itu daripada kelalaian.

Justeru itu, menjadi satu tanggungjawab kepada ibu bapa mendidik anak-anak agar mereka tidak terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat yang boleh merosakkan dirinya. Oleh itu, Nasih Ulwan menyarankan agar ibu bapa mengambil perhatian terhadap tabiat anak yang tidak baik. Di antara tabiat tersebut adalah sifat malu, takut, kurang keyakinan diri, dengki dan pemarah. Dengan itu, ibu bapa dan pendidik perlu membimbangi anak-anak ini agar mengubah sifat tersebut kepada sifat yang baik (Ulwan, 2011 b). Nasih Ulwan menyatakan anak-anak mula berakal pada umur 7 tahun hingga 10 tahun yang dikenali sebagai umur *tamyiz*. Pada fasa ini Nasih Ulwan menyatakan bahawa anak-anak sudah mula menzahirkan perasaan marah, sedih, gembira, cemburu dan sebagainya. Sehubungan itu, kaedah yang dikemukakan oleh Nasih Ulwan bagi mengendalikan tabiat anak itu dapat dilaksanakan bermula umur 7 tahun hingga 10 tahun. Oleh itu, ibu bapa perlu membimbangi perasaan anak seperti marah, takut, sedih dan cemburu tersebut menuju kepada kebaikan.

Kaedah mengendalikan sifat malu

Nasih Ulwan menyatakan bahawa sifat malu merupakan sebahagian daripada sifat anak-anak namun sifat malu yang tidak dibendung akan mencengkam diri anak-anak. Terdapat perbezaan di antara malu yang baik yang disebut sebagai *al-haya'* (الحياء') manakala malu atau segan yang tidak baik disebut *al-khajila* (الخجل). Malu yang baik adalah malu untuk melakukan perkara maksiat dan perkara mungkar. Kedua, tidak dikira malu yang tidak baik (الخجل) dengan membiasakan anak-anak menghormati orang tua, menahan pandangan dari perkara-perkara yang haram, menutup telinga daripada mendengar rahsia atau aib atau mendedahkan perkara yang tersembunyi. Ketiga, malu dalam menahan lidah dari terlibat dengan perkara yang batil, menahan perut dari perkara yang haram dan menghabiskan masa dengan taat kepada Allah serta mencari keredaan-Nya adalah malu yang dituntut (Ulwan, 2011 b). Nasih Ulwan mengemukakan dalil dengan merujuk hadith berikut:

اسْتَحْيِوْ مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاةِ قَالَ: فُلَّنَا يَا نَبِيَّ اللَّهِ! إِنَّا نَسْتَحْيِي وَالْحَمْدُ لِلَّهِ قَالَ: لِيَسَ ذَلِكَ، وَلَكُنِ الْإِسْتَحْيَاةُ مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاةِ؛ أَنْ تَحْفَظَ الرَّأْسَ وَمَا وَعَى، وَالْبَطْنَ وَمَا حَوَى، وَتَذَكَّرُ الْمَوْتُ وَالْبَلَى، وَمَنْ أَرَادَ الْآخِرَةَ تَرَكَ زِينَةَ الْحَيَاةِ، وَأَثْرَ الْآخِرَةَ عَلَى الْأُولَى، فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ؛ اسْتَحْيِي مِنَ اللَّهِ حَقَّ الْحَيَاةِ

Maksudnya: Malulah kepada Allah dengan sebenar-benar malu. Kami sekalian lalu berkata: Kami memang malu kepada Allah, Wahai Rasulullah, Alhamdulillah. Baginda berucap lagi: Bukan itu yang kumaksudkan. Malu kepada Allah dengan sebenar-benar malu itu ialah engkau memelihara kepala dan apa yang disedarkannya, engkau memelihara perut dan apa yang diisi ke dalamnya, engkau mengingati mati serta hancur luluhnya dan barang siapa yang inginkan akhirat dia tinggalkan perhiasan kehidupan dan dia mengutamakan akhirat dari dunia dan barang siapa yang melakukan yang demikian, barulah dikatakan dia malu kepada Allah dengan sebenar-benar malu (Hadith Riwayat al-Tirmidhī, *Kitab Sifat al-Qiyamah, Bab Fi Bayan ma Yaqtadīhi al-Istihya' mina Allah Haq al-Haya'*, no. hadith 2458 lihat Hafiz Abu 'Isā al-Tirmidhī, *Jami' al-Tirmidhī*, (Riyadh: Dār al-Salam, 2007), 463-464).

Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa agar memperhatikan sifat malu anak yang perlu diberi perhatian, antaranya adalah apabila seseorang anak itu tidak mahu bergaul dan bercakap dengan orang lain, maka bagi menangani sifat malu yang berlebihan ini agar tidak mendatangkan kesan yang buruk dalam diri mereka. Oleh itu, Nasih Ulwan menyarankan agar anak-anak yang mempunyai sifat malu tersebut perlu dirawat dengan membiasakan anak-anak dengan bercampur gaul dengan rakan-rakan atau menjemput rakan-rakan ke rumah, membawa anak-anak menziarahi rumah rakan-rakannya serta mengajak anak-anak untuk bercakap di hadapan orang lain sama ada dengan rakannya atau orang yang lebih tua (Ulwan, 2011 b).

Kaedah mengendalikan sifat takut

Nasih Ulwan menegaskan bahawa tabiat takut merupakan penyakit jiwa yang menimpa anak-anak tidak kira sama ada kecil atau besar, lelaki atau perempuan. Adakalanya sifat takut ini baik pada sebahagian perkara kerana sifat tersebut akan melindungi anak-anak daripada bahaya. Namun apabila sifat takut yang melampau ini akan memberi kesan dalam jiwa anak-anak. Oleh itu, Nasih Ulwan menyarankan agar mengenal pasti punca masalah sifat takut tersebut. Di antara puncanya adalah (Ulwan, 2011 b):

- Ibu bapa menakutkan anak-anak dengan sesuatu perkara contohnya menakutkan anak dengan tempat yang gelap atau menakutkan dengan seseorang yang tidak dikenalinya.
- Ibu bapa terlalu memanjakan anak-anak sehingga membataskan segala pergerakkan anak mereka kerana terlalu bimbang akan berlaku sesuatu terhadap anak mereka.
- Tidak membenarkan anak-anak untuk berhubung dengan dunia luar dengan mengurung anak di rumah dan tidak membenarkan mereka keluar dari rumah.
- Menceritakan kisah-kisah mistik seperti jin, hantu dan sebagainya.

Bagi menyembuhkan tabiat takut ini, Nasih Ulwan menyarankan agar ibu bapa memperhatikan hal-hal berikut:

- a. Mendidik anak-anak dengan beriman, beribadah dan menyerahkan diri kepada Allah sejak dari kecil lagi. Apabila anak-anak dididik dengan keimanan, dibiasakan dengan ibadah jasmani dan rohani maka anak-anak tidak akan takut ketika ditimpa musibah dan tidak mengeluh ketika ditimpa sesuatu bencana.

إِنَّ الْإِنْسَانَ حُلْقَ هَلْوَعًا إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَزُوعًا وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مَثُوعًا إِلَّا الْمُصَلِّينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ
دَائِمُونَ

Terjemahan: Sesungguhnya manusia itu dicipta bersifat gelisah. Apabila bahaya datang dia berkeluh-kesah. Dan apabila mendapat kebaikan (kekayaan) dia kedekut. Kecuali orang-orang yang solat. Mereka tetap mengerjakan solatnya (al-Ma'arij 70: 19-23).

- b. Memberikan anak peluang untuk bertindak, memikul tanggungjawab dan melaksanakan sesuatu perkara berdasarkan perkembangan dan peringkat pertumbuhan anak-anak.
- c. Jangan menakutkan anak-anak dengan perkara tahayul seperti hantu, jin dan sebagainya agar anak-anak membesar dengan sifat yang berani dan tangkas.
- d. Memberikan peluang kepada anak-anak untuk bergaul dengan anak-anak yang lain agar mereka merasa yakin diri untuk berjumpa dan berkenalan dengan orang lain.
- e. Memperkenalkan kisah-kisah peperangan rasulullah s.aw serta mendidik anak supaya menjadi seperti rasulullah dan tokoh-tokoh lain yang mempunyai sifat berani.

Kaedah mengendalikan sifat kurang keyakinan diri

Nasih Ulwan menjelaskan bahawa tabiat kurang keyakinan diri adalah suatu penyakit jiwa yang menimpa anak disebabkan beberapa faktor antaranya faktor semula jadi, pendidikan dan ekonomi. Beliau juga mengemukakan sebab-sebab berlakunya sifat kurang keyakinan diri anak-anak diantaranya adalah (Ulwan, 2011 b):

Di antara cara-cara penghinaan yang berlaku dalam kalangan anak-anak adalah apabila ibu bapa memanggil anak dengan panggilan yang tidak baik seperti penipu, penjahat, pendusta dan sebagainya di hadapan adik beradiknya yang lain atau berhadapan dengan orang luar. Oleh yang demikian menyebabkan anak-anak merasakan diri mereka tidak berguna dan tidak dihargai. Dengan ini, akan menimbulkan perasaan dengki dan benci pada orang lain. Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa menjaga percakapan walaupun tujuannya untuk membetulkan kesalahan namun cara yang tidak sesuai boleh menimbulkan masalah dalam diri anak dari segi pembentukan jiwa anak-anak. Hal itu akan menjadikan anak-anak seorang yang kasar, suka mencaci maki dan keras kepala.

Oleh itu, Nasih Ulwan mengemukakan cara mengatasi hal ini dengan mengingatkan anak atas kesalahan yang dilakukan dengan lemah lembut serta menjelaskan perbuatan yang dilakukan adalah salah dan tidak baik. Kemudian membetulkan anak dengan mengambil

tindakan yang sewajarnya berdasarkan tabiat anak tersebut. Beliau mengemukakan dalil dengan merujuk hadith berikut:

إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ، يُحِبُّ الرَّفِيقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah itu bertimbang rasa dan Dia suka timbang rasa dalam semua perkara (Hadith Riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Murtaddīn wa al-Mu'ānidīn, Bab Iza 'Arada al-Dhimmi au Ghairuhu bisabi al-Nabi walam Yuṣorih*, no. hadith 6927 lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Šahīh al-Bukhārī*, (Dar al-Salam, 1997), 49).

Nasih Ulwan menegaskan menghina dan terus menerus memarahi anak punca kepada timbulnya perasaan kurang keyakinan dalam diri anak yang menyebabkan berlakunya penyelewengan jiwa dan kelakuan yang tidak baik. Oleh itu, beliau menyarankan ibu bapa untuk mengingatkan anak akan kesalahan mereka dengan menerangkan hujah yang memuaskan untuk mereka tinggalkan kesalahan tersebut. Nasih Ulwan juga menegaskan ibu bapa agar tidak memarahi anak-anak di hadapan orang ramai serta memperbaiki kesalahan anak dengan meluruskan kebengkokannya (Ulwan, 2011 b).

Nasih Ulwan turut menegaskan bahawa memanjakan anak secara berlebihan boleh menyebabkan kerosakan dalam jiwa dan tingkah laku anak. Natijahnya, anak-anak menjadi pemalu, hilang sifat berani, lemah semangat dan hilang kepercayaan diri. Nasih Ulwan mendapati sikap ibu bapa yang salah dalam mendidik menjadi punca anak-anak mempunyai keyakinan diri yang rendah (Ulwan, 2011 b). Diantara sikap tersebut adalah:

- Tidak memberi kepercayaan kepada anak untuk melakukan sesuatu tugas yang boleh dilaksanakan.
- Selalu mengongkong anak dengan tidak membenarkan anak berpisah dengannya serta sering mengekori anak.
- Terlalu risau dan bimbangkan anak itu hilang dari pandangannya
- Membiaran anak melakukan sesuatu seperti merosakkan barang, menconteng dinding dan sebagainya tanpa mengurnya.

Nasih Ulwan mengemukakan tanda-tanda ibu bapa yang memanjakan anak dalam kalangan masyarakat adalah apabila ibu bapa itu baru dikurniakan anak setelah menanti kehadiran anak yang begitu lama dalam perkahwinan. Selain itu, mengharapkan anak lelaki kerana kelahiran sebelumnya semua perempuan. Di samping itu, apabila anak itu baru sembuh daripada penyakit kronik hingga mengancam nyawa menyebabkan ibu bapa memanjakan anak kerana ujian-ujian tersebut. Oleh itu, bagi menangani sikap ibu bapa yang begini, Nasih Ulwan menyarankan untuk mengukuhkan kepercayaan qadha' dan qadar dalam diri ibu bapa bahawa segala yang menimpa anak itu sama ada musibah, sakit, mandul, jantina anak itu adalah kehendak Allah dan qadha' dan qadarNya (Ulwan, 2011 b). Beliau mendatangkan dalil dengan merujuk ayat al-Quran berikut:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَبْرُأُوهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٣﴾

لَكُلَّا تَأْسُوا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَقْرَبُوا بِمَا آتَكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿٢٤﴾

Terjemahan: Tiada satu bencana yang terjadi di bumi atau pada diri kamu sendiri, melainkan itu sudah ditetapkan di dalam Kitab sebelum Kami laksanakan terjadinya, Sesungguhnya yang demikian itu mudah sahaja bagi Allah supaya kamu tidak berduka cita terhadap apa yang lepas dari tangan kamu, dan tidak pula kamu selalu gembira terhadap apa yang Dia beri kepada kamu, dan Allah tidak menyukai orang-orang yang sompong membangga diri (al-Hadid 57: 22-23).

اللَّهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ يَهْبِطُ لِمَنْ يَشَاءُ إِنَّا وَيَهْبِطُ لِمَنْ يَشَاءُ الذُّكُورَ ﴿٢٥﴾

أَوْ يُزَوِّجُهُمْ ذُكْرًا وَإِنَّا وَيَعْلَمُ مَنْ يَشَاءُ عَقِيمًا إِنَّهُ عَلِيمٌ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

Terjemahan: bagi Allah kerajaan langit dan bumi, Dia menjadikan apa yang Dia suka, Dia mengurniakan perempuan kepada siapa yang Dia suka dan Dia juga yang mengurniakan lelaki kepada siapa yang dia suka atau dipasangkan (dijodohkan) mereka lelaki dan perempuan dan Dia menjadikan siapa yang Dia suka mandul. Sesungguhnya Dia Maha Mengetahui Maha Berkuasa (al-Shura 42: 49-50).

Bagi menangani sikap manja dalam diri anak, Nasih Ulwan menasihati ibu bapa agar mendidik anak secara berperingkat dimulai dengan nasihat dan peringatan yang baik, tidak berkeras dan berkasar dengan anak dikhuatiri sukar untuk membentuk sikap anak yang manja. Beliau juga menyarankan ibu bapa hendaklah mendidik anak-anak percaya kepada diri sendiri dan mendidiknya menjadi seorang berani. Serta mencontohi sifat Rasulullah SAW dari kecil sudah bekerja keras seperti menggembala kambing ketika kecil, baginda juga membuat kerja-kerja membina bangunan (mendirikan Kaabah), belayar untuk menjalankan perniagaan, berani menyertai perperangan, baginda juga seorang yang bijak dan pernah menjadi hakim untuk meletakkan hajar al-aswad (Ulwan, 2011 b).

Nasih Ulwan menegaskan sifat manja yang berlebihan dalam diri anak perlu dibendung. Jika tidak ditangani tabiat manja itu akan merosakkan jiwa anak-anak seperti wujudnya perasaan kurang keyakinan diri. Apabila seseorang anak itu mempunyai kurang keyakinan diri maka akan timbulnya perasaan takut, malu, lemah semangat, taasub dalam pemikiran dan kurang keyakinan dalam serba-serbi (Ulwan, 2011 b).

Nasih Ulwan mengemukakan kurang keyakinan diri anak adalah disebabkan faktor kekurangan diri seperti cacat, buta, pekak dan sebagainya. Oleh itu, Nasih Ulwan menyarankan bagi ibu bapa yang memiliki anak yang kurang upaya, ibu bapa hendaklah mengasihi mereka, menjaga mereka seperti anak-anak yang lain dan tidak membezakan mereka, malah memberi semangat positif dan dorongan atas bakat yang mereka peroleh. Dengan demikian, perasaan kurang keyakinan diri akan hilang kerana semangat dan dorongan yang diberikan kepada anak-anak natijahnya mereka bangkit melawan sifat negatif dalam diri. Selain itu, Nasih Ulwan juga

menyarankan agar ibu bapa menasihati dan memperingati orang-orang yang di sekeliling mereka tidak mengejek dan menghina anak-anak yang istimewa ini. Pemilihan rakan-rakan yang baik tingkah lakunya serta dapat menerima keadaan anak yang istimewa juga amat membantu membentuk keyakinan dalam diri anak untuk bergaul, beramah mesra dan bermain bersama orang lain (Ulwan, 2011 b).

Kaedah Mengendalikan Sifat Dengki

Sifat dengki memberi kesan yang buruk dalam diri anak-anak sekiranya penyakit ini tidak dirawat dengan sebaiknya maka masalah-masalah lain yang lebih berat akan timbul. Justeru itu, Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa memperhatikan faktor-faktor yang boleh menyebabkan timbulnya sifat dengki dalam diri anak-anak. Diantara faktor-faktor tersebut adalah:

- a. Bimbang akan kehilangan perhatian dan kasih sayang daripada orang yang dikasihi. Contohnya, apabila seorang anak itu mendapat seorang adik yang baru lahir dan dia beranggapan bahawa adiknya itu akan merampas kasih sayang daripada ibu bapa atau keluarganya.
- b. Membandingkan dirinya dengan adik-beradik yang lain. Contohnya, apabila ibu bapa membuat perbandingan yang buruk terhadap anak yang kurang cerdik dan cerdik.
- c. Mengutamakan salah seorang anak. Contohnya, anak yang dikasihi akan mendapat perhatian lebih dan diberikan segala hadiah manakala anak yang lain tidak dipedulikan dan tidak diberikan hadiah.
- d. Menutup kesalahan anak yang disayangi dengan memafkannya manakala anak yang tidak disayangi akan dimarahi, dipukul dan dikenakan tindakan apabila melakukan kesalahan.
- e. Anak yang hidup serba mewah dalam sebuah keluarga namun saudaranya hidup dalam keadaan susah dan kesempitan

Berdasarkan hal tersebut, Nasih Ulwan menyatakan bahawa Islam mempunyai cara bagi menghilangkan sifat dengki dalam diri anak-anak. Apabila ibu bapa mengikut cara Islam maka anak-anak membesar dengan penuh kasih sayang, suka melebihkan orang lain, belas kasihan terhadap orang lain dan sebagainya. Justeru itu, Nasih Ulwan menyarankan prinsip pendidikan berikut bagi menghapuskan sifat dengki dalam diri anak-anak. Antaranya adalah:

- a. Mewujudkan perasaan kasih sayang terhadap anak-anak
- b. Mempraktikkan keadilan antara anak-anak
- c. Menghapuskan penyebab kepada perasaan dengki

Kaedah Mengendalikan Sifat Pemarah

Sifat marah adalah suatu sikap jiwa yang buruk dan sikap pemberontakan yang tidak baik. Namun, sifat marah yang dikendalikan dengan baik dapat dikawal dengan sebaiknya. Diantara faedah marah adalah untuk memelihara diri, memelihara agama, memelihara Negara Islam daripada ditindas oleh musuh-musuh Islam. Nasih Ulwan menyatakan sekiranya anak-anak

tidak mempunyai sifat marah maka mereka akan berpeluk tubuh apabila larangan-larangan Allah dilanggar, agamanya dihina, negaranya dirampas oleh musuh. Nasih Ulwan menjelaskan sifat marah adalah terpuji pada setengah keadaan (Ulwan, 2011 b). Beliau mendatangkan dalil dengan merujuk hadith berikut:

وَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ انتَقَمَ لِنَفْسِهِ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا إِنْ انْتَهَكَتِ اللَّهُ حِرْمَةً
كَانَ أَشَدَّ النَّاسَ غَضَبًا لِلَّهِ وَمَا غُرِضَ عَلَيْهِ أَمْرَانٌ إِلَّا اخْتَارَ أَيْسَرَهُمَا مَا لَمْ يُكُنْ فِيهِ سَخْطٌ لِلَّهِ فَإِنْ كَانَ فِيهِ لَهُ
سَخْطٌ كَانَ أَبْعَدَ النَّاسَ مِنْهُ

Maksudnya: Aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW menunjukkan kemarahannya yang sangat dalam sesuatu perkara kecuali apabila dilanggar larangan Allah, maka apabila dilanggar larangan Allah, baginda akan kelihatan amat marah sekali. Dan tidak pernah diberikan pilihan antara dua perkara, melainkan baginda memilih yang paling ringan antara keduanya, dengan syarat tidak berkaitan dengan kemurkaan Allah. Jika perkara itu ada kaitannya dengan kemurkaan Allah maka baginda adalah orang yang paling jauh daripadanya (Hadith riwayat al-Tabarani, *Kitab Fadhalat Said al-Anbiya'*, no. hadith 9152 lihat Imam Hafiz Abi al-Qasim Sulaiman bin Ahmad bin Ayub al-Tabarani, *Mu'jam al-Awsat*, (al-Hidayah, 2015), 152).

Nasih Ulwan menjelaskan sifat marah yang dikeji adalah marah yang boleh mendatangkan akibat buruk dan tidak baik seperti memberontak. Marah disebabkan memberontak akan menyebabkan perpecahan, hilang persaudaraan dan hilangnya kasih sayang. Justeru itu, Nasih Ulwan menegaskan dan mengambil berat hal yang berkaitan dengan tabiat marah yang tidak terkawal. Beliau juga menyatakan bahawa Rasulullah SAW memuji anak yang dapat menahan dirinya daripada marah (Ulwan, 2011 b). Beliau telah mengemukakan dalil dengan merujuk hadith berikut:

مَنْ كَظَمَ غَيْظًا، وَهُوَ يُسْتَطِيعُ أَنْ يُنْفَذِهُ، دُعَاهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَعْوَسِ الْخَلَائِقِ، حَتَّى يَخِرُّهُ فِي أَيِّ الْحُورِ
شاء

Maksudnya: Barang siapa yang menahan marah, padahal dia berdaya untuk melakukannya, dia akan diseru Allah pada hari Kiamat di hadapan khalayak ramai sehingga dia sendiri mengatakan kepada Allah, mana satu bidadari yang ia inginkan (Hadith riwayat Tirmidhī, *Kitab al-Bir wa al-Silah, Bab fi Kazmi al-Ghaiz*, no. hadith 2021 lihat Hāfiẓ Abū ‘Isā Muhammād bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, (Riyadh: Dar al-Salam, 2007), 105).

Nasih Ulwan menegaskan bagi menjauhkan anak daripada sifat marah hendaklah mengetahui punca atau penyebab seorang anak itu marah. Sekiranya punca marah itu disebabkan kelaparan, maka Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa memberi makan kepada anak pada masa yang tertentu, sekiranya ibu bapa mencuaikannya dikhawatirkan akan menimbulkan penyakit kepada anggotanya dan menimbulkan pemberontakan dalam diri anak. Manakala marah yang disebabkan penyakit maka Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa berusaha untuk

menyembuhkan penyakit anak sehingga mereka menjadi sihat. Beliau juga mengemukakan marah yang berpuncadaripada ibu bapa yang mengherdik anak-anak maka Nasih Ulwan menegaskan ibu bapa agar menahan lidah mereka daripada menghina dan memalukan anak agar tidak terlekat pada jiwa anak sehingga boleh menimbulkan kemarahan dalam diri anak (Ulwan, 2011 b). Beliau mendatangkan dalil dengan merujuk hadith berikut:

أَكْرِمُوا أُولَادَكُمْ وَاحْسِنُوا أَدْبِهُمْ

Maksudnya: Muliakanlah anak kamu dan perbaikilah adabnya (Hadith riwayat Ibn Majah, *Kitab al-Adab, Bab Bir al-Walid wa al-Ihsan ila al-Banat*, no. hadith 3671 lihat Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Riyadh: Dar al-Salam, 2007), 18).

Nasih Ulwan juga mengemukakan punca marah yang disebabkan oleh kemanjaan diri yang melampau maka Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa mendidik anak secara sederhana, tidak memanjakan anak secara berlebihan dan tidak memewahkan mereka. Sekiranya sifat marah itu berpuncadari ejekan atau kata nista, maka Nasih Ulwan menyarankan ibu bapa menjauhi segala sebab musabab yang menimbulkan kemarahan anak supaya tidak tertunas tabiat marah dalam diri anak. Beliau mendatangkan dalil berikut dengan merujuk ayat al-Quran dalam surah al-Hujurat:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَسْخَرُ قَوْمٌ مِّنْ قَوْمٍ عَسَى أَنْ يُكُونُوا حَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّنْ نِسَاءٍ عَسَى
أَنْ يَكُنَّ حَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوهُنَّ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابِرُوهُنَّ بِالْأَلْقَبِ بِئْسَ الْآسُمُ الْفُسُوقُ بَعْدَ أَلْإِيمَنِ
وَمَنْ لَمْ يَتُبْ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang beriman, janganlah mengejek sesuatu kaum yang lain, mungkin kaum yang diejek itu lebih baik dari kaum yang mengejek itu. Dan janganlah kamu mencela sesama kamu dan janganlah memanggil dengan gelaran yang buruk, seburuk-buruk nama ialah kefasiqan sesudah beriman dan barang siapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim (al-Hujurat 49: 11).

Nasih Ulwan juga mengemukakan cara mengatasi marah yang berkesan mengikut petunjuk daripada Rasulullah SAW. Pertama, mengubah posisi keadaan ketika marah dengan mendatangkan dalil dengan merujuk hadith berikut:

إِذَا غَضِبَ أَحَدُكُمْ وَهُوَ قَائِمٌ فَلِيَجْلِسْ؛ فَإِنْ ذَهَبَ عَنْهُ الغَضْبُ وَإِلَّا فَلِيَضْطَجِعْ

Maksudnya: Jika seseorang kamu merasa marah ketika dia berdiri maka hendaklah dia duduk. Semoga hilang kemarahannya, jika tidak maka hendaklah dia berbaring

pula (Hadith riwayat Abu Dawud, *Kitab al-Adab, Bab Ma Yuqalu 'inda al-Ghaḍhab*, no. hadith 4782 lihat Hafiz Abu Dawud Sulaiman bin Ash'ath, *Sunan Abu Dawud*, (Dar al-Salam, 2008), 262).

Kedua, Nasih Ulwan menyarankan anak mengambil wudu' ketika marah dengan mengemukakan dalil dengan merujuk hadith berikut:

الغضب من الشيطان وإن الشيطان خلق من النار وإنما تطفأ النار بالماء فإذا غضب أحدهم فليتوصل

Maksudnya: Sifat marah itu daripada syaitan dan sesungguhnya syaitan itu dicipta daripada api. Dan hanya api akan dipadamkan oleh air. Maka jika seseorang kamu merasa marah, hendaklah dia berwudu' (Hadith riwayat Abu Dawud, *Kitab al-Adab, Bab Ma Yuqalu 'inda al-Ghaḍhab*, no. hadith 4784 lihat Hafiz Abu Dawud Sulaiman bin Ash'ath, *Sunan Abu Dawud*, (Dar al-Salam, 2008), 263).

Ketiga, menahan lidah ketika marah. Keempat, berlindung diri kepada Allah daripada syaitan yang direjam (Ulwan 2011: 269-270). Nasih Ulwan mengemukakan dalil dengan merujuk hadith berikut:

استَبَّ رجُلٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَنَحْنُ عِنْدَهُ جُلوْسٌ، وَأَحَدُهُمَا يُسْبِّ صَاحِبَهُ مُغْضِبًا قَدْ أَحْمَرَ وَجْهَهُ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنِّي لَا عُلِمَّ بِكَلْمَةٍ لَوْ قَالَهَا لَذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ، لَوْ قَالَ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Maksudnya: Dua orang lelaki telah bertekak di majlis nabi SAW dan kami sedang duduk. Salah seorang rakannya memaki temannya dalam keadaan marah, wajahnya merah padam. Maka nabi berkata: "Aku tahu penawarnya, maka ucapkanlah : *A'uudzu billahi minna al-syaitan al-rajim*" (Hadith riwayat al-Bukhārī, *Kitab al-Adab, Bab al-Hazar min al-Ghaḍhab*, no. hadith 6115 lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, (Dar al-Salam, 1997), 83).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas menjelaskan bahawa penerapan nilai-nilai kerohanian dan agama dalam pendidikan anak amat diperlukan dan bermanfaat untuk dipraktikkan bagi mempertingkatkan keberkesanan dalam mengendalikan permasalahan rohani dalam pendidikan anak. Ramai dalam kalangan ibu bapa kurang memperhatikan tabiat anak atau permasalahan rohani ini. Maka saranan Nasih Ulwan dalam tarbiah kerohanian anak-anak adalah sangat praktikal untuk dilaksanakan bagi ibu bapa atau pendidik dalam usaha membina suasana yang kondusif bagi membolehkan pembangunan kerohanian anak-anak dapat dibina kerana anak-anak pada peringkat awal belajar melalui pemerhatian dan pengamatan mereka pada persekitaran. Oleh itu, persekitaran dan suasana rumah atau sekolah mampu merangsang anak-anak bagi membangun aspek rohani mereka. Tarbiah rohani sukar direalisasikan sekiranya ibu bapa dan pendidik hanya mengharapkan pendidikan rohani berlaku pada diri anak-anak sahaja sedangkan pembangunan rohani mereka diabaikan. Tarbiah kerohanian perlu berjalan seiring

di antara kedua-dua belah pihak agar dapat menyuburkan jiwa dan iman mereka serta membentuk peribadi yang mulia.

Rujukan

- Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, (Dar al-Salam, 1997)
- Badrulzaman, “Persekutaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor,” (Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, 2006), 12
- Edi Iskandar, “Mengenal Sosok Abdullah Nasih Ulwan dan Pemikirannya tentang Pendidikan Islam”, *AKADEMIKA*, xiii, (Jun 2017)
- Hāfiẓ Abū ‘Isā Muhammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Jāmi’ al-Tirmidhī*, (Riyadh: Dar al-Salam, 2007)
- Hafiz Abu Dawud Sulaiman bin Ash’ath, *Sunan Abu Dawud*, (Dar al-Salam, 2008)
- Halim, Halimah Abd, and Zainab Ismail. "Pendekatan Pencegahan Kaunselor Muslim dalam Menangani Salah Laku Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Klang, Selangor." *International Journal of Islamic Thought* 8 (2015): 17
- Husin Junoh, “Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011)
- Imam Hafiz Abi al-Qāsim Sulaiman bin Ahmad bin Ayub al-Tabarani, *Mu’jam al-Awsat*, (al-Hidayah, 2015),
- Makmur Harun, “Pendidikan sebagai warisan Islam: Kajian dalam perspektif sejarah,” laman sesawang Researchgate, di capai 30 Oktober 2015 https://www.researchgate.net/profile/Makmur_Harun/publication/283318728_PENDIDIKAN_SEBAGAI_WARISAN_ISLAM_Kajian_dalam_Perspektif_Sejarah/links/5632def208ae911fcd491ac2.pdf
- Mohd Nuri Mustafa, Turiman Suandi, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail “Fenomena Delikuen Dalam Kalangan Remaja Yang Berisiko Di Sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Di Luar Bandar, Malaysia,” *Jurnal Kemanusiaan* 14, 2 (2017), 12; Buerah Tunggak, Shanah Ngadi dan Hamimah Abu Naim, Delikuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/ Pelajar Muslim Bersepadu,” *Jurnal Hadhari* 7, 2 (2015), 11-30
- Muhammad bin Yazid Ibn Majah al-Qazwini, *Sunan Ibn Majah* (Riyadh: Dar al-Salam, 2007)
- Noor Hisyam Md Nawi, “Pengajaran dan Pembelajaran: Penelitian Semula Konsep-Konsep Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden (kertas kerja, Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM, Hotel Vistana Pulau Pinang, 18-20 Disember 2011)
- Norfadilah Abdul Rahman & Faudzinain Badaruddin, “Pembinaan Modul Kerohanian Model al-Muhasibi (MKAM) dalam Merawat al-Nafs di Pusat Pemulihan Akhlak,” *Fikiran Masyarakat* 5, 2 (2017), 103-105
- Norfadilah Abdul Rahman, Pembinaan Modul Kerohanian Model Al-Muhasibi (MKAM) dalam Merawat al-Nafs di Pusat Pemulihan Akhlak, (Tesis Doktor falsafah Psikologi Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010)
- Salasiah Hanin Hamjah, Pendekatan Kaunseling spiritual menurut al-Ghazali (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016) 77-78

Shamsiah Banu Hanefar, Saedah Siraj, Che Zarrina Sa’ari, “The Application of Content Analysis toward the Development of Spiritual Intelligence Model for Human Excellence (SIMHE),” *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, v. 17 (2015), 604, DOI: 10.1016/j.sbspro.2015.01.409

Sidek baba, “Globalisasi Dan Cabaran Pendidikan Islam” dalam Memahami Isu-Isu Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2003, 11-12.

Ulwan, Abdullah Nasih, *Al-Syabab al-Muslim fi Muwājahah al-Tahdiyāt*, (Qaherah: Dar al-Salam, 2011 a)

Ulwan, Abdullah Nasih, *Madrasah Du’at*, (Kairo: Darussalams, 2007)

Ulwan, Abdullah Nasih, *Rūhāniyyah al-Dā’iyah*, (Qaherah: Dār al-Salam, 1986),

Ulwan, Abdullah Nasih, *Tarbiyah al-Awlad fi al-Islām*, (Qaherah: Dār al-Salam, 2011 b)

Zainuddin Hashim dan Riduan Mohamad Nor, *Tokoh-Tokoh Gerakan Islam Abad Modern*, (Kuala Lumpur: Jundi Resources, t.t.p)

.